

**PENDEKATAN PENGURUSAN YANG LEBIH EFEKTIF DALAM
MENANGANI MASALAH TEMPAT LETAK KERETA
DI PUSAT BANDARAYA JOHOR BAHRU**

ZARIFI BIN MOHD EDERIS

Projek Sarjana Muda ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah

Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah
Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

MEI 2007

ABSTRAK

Kesesakan lalu lintas dan masalah tempat letak kereta merupakan antara isu-isu utama yang sering dihadapi di kebanyakan bandar di negara ini. Pendekatan pengurusan tempat letak kereta sering mengangap dengan menambahkan bilangan penawaran petak-petak tempat letak kereta akan dapat menyelesaikan masalah ini. Namun begitu pendekatan seperti ini hanya akan meningkatkan bilangan kenderaan persendirian yang memasuki kawasan bandar. Pendekatan pengurusan yang mengguna pakai strategi-strategi baru akan menghasilkan satu pengurusan tempat letak kereta yang lebih efektif. Seterusnya, kajian penyelidikan ini meliputi satu soal selidik terhadap pengguna-pengguna tempat letak kereta di kawasan Pusat Bandaraya Johor Bahru bagi mengetahui tahap penyediaan kemudahan-kemudahan tempat letak kereta sedia ada dan mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi masalah-masalah tempat letak kereta. Sebanyak 100 responden dipilih untuk menjawab borang-borang soal selidik yang diedarkan di Kotaraya, Menara Ansar, Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR), City Square dan kawasan-kawasan sekitar bandaraya. Hasil penemuan kajian menunjukkan 61 peratus responden menyatakan bahawa terdapatnya masalah tempat letak kereta di kawasan kajian. Tahap kemudahsampaian dan tempoh masa untuk mencari tempat letak kereta adalah hasil yang diperolehi dalam kajian penentuan faktor-faktor yang mempunyai perkaitan dengan masalah tempat letak kereta menggunakan teknik analisis *Pearson Khi Kuasa Dua*. Seterusnya analisis Regresi Logistik digunakan dalam penentuan faktor-faktor yang paling mempengaruhi masalah-masalah tempat letak kereta. Faktor-faktor tersebut adalah tahap kemudahsampaian, tahap penyediaan laluan pejalan kaki dan tempoh masa untuk mencari tempat letak kereta. Kajian ini seterusnya mencadangkan pendekatan-pendekatan pengurusan yang lebih efektif berdasarkan hasil rumusan analisis iaitu Pengurusan Tempat Letak Kereta Bersepadu, *Shared Parking dan Program Pemasaran Pengurusan Tempat Letak Kereta*.

ABSTRACT

Traffic congestion and parking problems are some of the main issues that are facing most towns and cities in Malaysia. The approach to parking management always assumes that to solve this problems, increasing parking supply is always better. However, this approach will result in more private cars entering the cities. Parking management approach that uses various new strategies will result in more effective parking management systems. This research covers a survey on parking users in the Johor Bahru City Centre. The purpose of this survey is to determine the level of satisfaction from the users about parking facilities in the study area and to determine various factors that affect parking problems. 100 samples of survey form are collected and to be filled by the respondents at selected places primary at Kotaraya, Menara Ansar, Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR), City Square and several places around the cities. Survey results showed that 61 percent of the respondents reported that they face problems in parking in the study area. Level of accessibility and length of time to find parking spaces are two major factors that are related to parking problems in the study area based on *Pearson's Chi-Square Statistical Test*. Logistic Regression analysis were also done to compute various factors that affect parking problems. These factors are level of accessibility, level of pedestrian provision and length of time to find parking spaces. Finally, this research outlines new approaches and findings in more effective parking management systems. The approaches are Integrated Parking Management, Shared Parking and Parking Management Marketing Program to be proposed in future.